

Buku mengenai hubungan Malaysia-Afrika dilancar

UM-1 17/08/03
EZULWINI (Swaziland) 16 Ogos –
Buku yang menggambarkan hu-
bungan khusus antara Malaysia
dan negara-negara Afrika, *Ma-
laysia-Africa Relations, Searching
For Common Goals* dilancarkan
sempena Dialog Antarabangsa Se-
latan Afrika (Global-SAID 2003) di
sini semalam.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr.
Mahathir Mohamad dan Raja
Swaziland, Raja Mswati III melan-
carkan buku yang ditulis oleh pen-
syarah pengajian Afrika di Univer-
siti Malaya, Dr. Hamidin Abd.
Hamid.

Buku itu memaparkan peranan
pemimpin Malaysia, khususnya Dr.
Mahathir mempertingkatkan hu-
bungan pelbagai bidang.

Dalam buku itu, Hamidi juga
menyentuh mengenai penubuhan
Kumpulan Negara-Negara 15
(G-15).

Ia dijual dengan harga RM49.90
(AS\$20).

Sempena Global-SAID 2003 juga
buku koleksi ucapan Dr. Mahathir
bertajuk *Globalisation, Smart Part-
nership and Government* diedarkan
secara percuma. — *Utusan*